



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 – () 02/05

MAJLIS BERBUKA PUASA, YANG BERHORMAT TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU, MENTERI PERTAHANAN BERSAMA WARGA TUDM

Butterworth – Pangkalan Udara Butterworth menjadi destinasi pertama kunjungan **Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan Malaysia** semenjak beliau menerajui Kementerian Pertahanan Malaysia pada 22 Mei 2018 baru-baru ini. YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu bersama-sama isteri, Puan Normah binti Alwi hadir bagi menyempurnakan **Majlis Berbuka Puasa bersama Warga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**.

Turut serta di dalam majlis ini ialah YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, Panglima Angkatan Tentera; YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Tentera Udara dan isteri YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hajah Tengku Muhaini bt Sultan Hj Ahmad Shah; pegawai-pegawai kanan TUDM beserta isteri dan warga TUDM termasuk anggota dari Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) dan Kolej Tentera Udara, Alor Setar.

Sememangnya kehadiran YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu dinanti-nantikan oleh warga TUDM dan warga Kementerian Pertahanan khususnya yang berkhidmat di Pangkalan Udara Butterworth yang ingin mengenali Menteri Pertahanan dengan lebih dekat. Seramai kira-kira 350 orang menghadiri majlis berbuka puasa yang diadakan di Wisma Ahli Udara, Pangkalan Udara Butterworth.

-Tamat-